

29/08/2002

Jalur Gemilang hiasi SMK Darul Ehsan

BAHANG sambutan Hari Kebangsaan ke-45 kini semakin terasa, termasuk di kalangan pelajar, pendidik dan warga sekolah di seluruh negara dengan menganjurkan pelbagai kegiatan yang membangkitkan semangat patriotisme.

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Darul Ehsan, Selayang, Selangor, misalnya turut menganjurkan pelbagai kegiatan untuk menyemarakkan semangat cinta dan taat setia kepada tanah air itu sepanjang Bulan Kemerdekaan, bermula 17 Ogos lalu.

Tinjauan Berita Harian mendapati sekolah itu juga dihiasi Jalur Gemilang pelbagai saiz, kain rentang tertera tema Hari Kebangsaan iaitu 'Keranamu Malaysia' dan potret gergasi pemimpin ulung negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sekolah berkenaan juga berjaya menghasilkan replika burung helang yang seolah-olah sedang menerbangkan kain rentang tertera 'Keranamu Malaysia' yang membawa mesej keperkasaan dan kekuatan.

Pengetuanya, Yang Azmah Mukhtar, berkata antara pengisian bulan kemerdekaan sekolah itu ialah sambutan Hari Kebangsaan pada 30 Ogos, pertandingan lagu patriotik, menghiasi kelas dengan gambar pemimpin kemerdekaan dan penilaian sudut kemerdekaan sekolah.

Katanya, penganjuran program itu adalah untuk menyemarakkan semangat cinta dan taat setia kepada tanah air di kalangan generasi muda serta pendidik dan ia juga dapat memberi iktibar kepada mereka tentang keperitan nenek moyang menuntut kemerdekaan.

Beliau berkata, penghasilan bendera besar adalah bukti semangat waja warga sekolah itu untuk memartabatkan maruah negara, manakala replika burung helang gergasi yang menerbangkan kain rentang 'Keranamu Malaysia' sebagai simbol semangat waja mereka.

"Sejak 1998, pelbagai kegiatan dijalankan untuk menyemarakkan semangat patriotisme sempena Hari Kebangsaan. Antaranya penghasilan bendera gergasi sepanjang 18.33 meter dan lebar 14 meter, selain replika helikopter dihiasi Jalur Gemilang.

"Sambutan Hari Kebangsaan membabitkan pelajar dan guru pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India. Mereka dapat bekerjasama dalam satu pasukan tanpa mengira kaum dan agama," katanya.

Mengenai replika burung helang, Yang Azmah berkata ia dihasilkan dalam masa seminggu oleh guru dan pelajar diketuai guru Pendidikan Seni, Syed Rukaidar Syed Isa Al-Idroes.